



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**MERINYU KESIHATAN KANAN (C.3 EB.4)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU KESIHATAN KANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
C.3 EB.4 (\$1,990 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Environmental Health / Environmental Studies / Occupational Health / Public Health* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai pengalaman kerja dalam aspek-aspek Kesihatan Alam Sekitar, Kesihatan Cara Kerja dan Kawalan Penyakit adalah kelebihan.
 3. Mempunyai pengalaman bertugas di semua Bahagian dalam Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dan di Pejabat-Pejabat Kesihatan Daerah adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Unit atau Pegawai yang lebih kanan dalam pengurusan perkhidmatan teknikal kesihatan alam sekitar dan kesihatan awam. Ini tertakluk di mana pegawai yang akan dilantik ditugaskan di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar seperti;
 - i) Bahagian Kesihatan Alam Sekitar;
 - ii) Bahagian Kawalan Penyakit; dan
 - iii) Bahagian Kesihatan Cara Kerja.



2. Membantu Ketua Bahagian / Unit atau Pegawai yang lebih kanan dalam:
 - i) Pengurusan hal ehwal pentadbiran pejabat / bahagian / unit serta kakitangan kakitangan di mana pegawai dilantik bertugas;
 - ii) Melaksanakan, menyediakan, mengkaji dan memantau program-program serta aktiviti-aktiviti teknikal kesihatan alam sekitar dan kesihatan awam mengikut perancangan serta dasar yang sedia ada dari samasa ke semasa; dan
 - iii) Menyediakan laporan bulanan dan tahunan serta data / maklumat yang berkaitan di bahagian / unit masing-masing;
3. Melaksanakan pemantauan, pemeriksaan, penyiasatan, penilaian serta pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti berkaitan kesihatan awam dan kesihatan alam sekitar;
4. Melaksanakan penguatkuasaan Akta-Akta yang berkaitan dengan Kesihatan Alam Sekitar dan Kesihatan Awam;
5. Memberikan ceramah atau taklimat kepada orang ramai dalam aspek-aspek pendidikan Kesihatan Alam Sekitar dan Kesihatan Awam; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa dan bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di Negara ini termasuklah di luar waktu bertugas dan hari-hari Kelepasan Awam jika dikehendaki seperti kejadian wabak penyakit berjangkit, banjir dan sebagainya.